

## BWI disalurkan menerusi tiga kaedah mudah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Disember 27, 2021 @ 4:10pm  
mohd\_iskandar@bh.com.my



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali

KUALA LUMPUR: Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada mangsa banjir akan disalurkan melalui tiga kaedah dan diselaraskan pada peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).

Tiga kaedah itu adalah serahan tunai di PKOB, serahan tunai rumah ke rumah atau pemindahan tunai secara dalam talian.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata penyaluran BWI itu dibuat dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM)

"Mesyuarat memutuskan kaedah ini dilaksanakan untuk mempermudah urusan penyaluran BWI kepada mangsa dengan lebih efektif dan pantas.